

Pendakwaan mohon semua kes Muhyiddin dibicara bersama

Kuala Lumpur: Pihak pendakwaan memohon supaya empat kes menggunakan kedudukan dan tiga kes menerima wang hasil aktiviti haram yang dihadapi bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dibicarakan bersama di Mahkamah Sesyen.

Perkara itu dimaklumkan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin ketika semua kes itu disebut di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Azura Alwi semalam.

Wan Shahrudin berkata, pendakwaan sudah memfailkan permohonan supaya tujuh kes itu dibicarakan bersama kelmarin dan permohonan itu diserahkan kepada pasukan pembelaan semalam.

Peguam Datuk Hisyam Teh Poh Teik yang mewakili Muhyiddin kemudian mengesahkan perkara itu dan memaklumkan pihaknya memerlukan masa untuk memfailkan afidavit balasan.

Sehubungan itu, mahkamah menetapkan pada atau sebelum 30 Jun ini bagi pihak pembelaan menjawab permohonan itu dan turut menetapkan 14 Julai ini bagi pendakwaan membalasnya.

Sementara itu, Wan Shahrudin turut memaklumkan pihaknya sudah menyerahkan separuh daripada dokumen berkaitan kes kepada pihak pembelaan semalam



Muhyiddin tiba di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

dan perkara itu disahkan Hisyam.

Beliau berkata, pihaknya memohon tarikh sebutan yang lama untuk menyerahkan baki dokumen kerana pembelaan memfailkan banyak permohonan di Mahkamah Tinggi iaitu tiga permohonan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi, manakala satu permohonan untuk membatalkan tuduhan.

Azura kemudian menetapkan 4 Ogos ini bagi pihak pendakwaan menyerahkan baki dokumen dan memaklumkan perkembangan kes di Mahkamah Tinggi.

Pada 10 Mac lalu, Muhyiddin, 76, mengaku tidak bersalah terhadap empat tuduhan menggunakan kedudukannya untuk suatu suapan berjumlah RM232.5 juta dan dua pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM195 juta.

Pada 13 Mac lalu pula, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas tuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM5 juta di AmBank cawangan Amcorp Mall, Petaling Jaya dekat sini, pada 7 Januari 2022.